

# UMS sentiasa prihatin terhadap semua perayaan anjuran pelajar

WB 2-11-2016 A2

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa menyokong usaha kakitangan dan pelajar dalam menganjurkan pelbagai aktiviti sihat, khususnya yang menjurus kepada keharmonian seperti aktiviti kebudayaan dan perayaan di dalam dan luar kampus.

Menurut Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah, selain sebagai satu usaha untuk mengukuhkan budaya warisan turun-temurun, ia juga bagi meningkatkan jati diri dan mengangkat nilai moral warga kampus mengikut anutan dan kepercayaan agama masing-masing.

“Dalam masa yang sama, kita juga sentiasa menyediakan bantuan dana selain mendidik pelajar yang terlibat tentang tatacara pengurusan sesuatu majlis melalui penyelia yang terdiri daripada pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Bagaimanapun katanya, usaha itu mungkin kurang jelas dalam pandangan segelintir pihak sehingga terdapat individu daripada sebuah parti politik, baru-baru ini, mengaitkan isu perayaan Krismas dengan UMS di dalam akhbar

tempatan.

“Perkara yang sensitif ini tidak seharusnya ditimbulkan kerana ia bukan sahaja boleh mengganggu kerharmonian masyarakat majmuk di negara ini terlebih kepada negeri Sabah yang terkenal dengan keutuhan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama,” katanya sambil menyatakan salah faham terdahulu telah pun diperjelaskan dalam akhbar-akhbar tempatan dua tahun lalu (12 November 2014).

Harun turut memetik kata-kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau ketika berucap merasmikan Pesta Krismas UMS pada tahun 2015.

“Saya sangat bersetuju dengan ucapan Datuk Seri Madius yang mengatakan bahawa mempolitikkan isu agama tidak membawa kepada penyelesaian, tetapi jika sifat saling memahami diamalkan masalah itu akan diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, Harun turut memaklumkan keprihatinan UMS adalah merangkumi pelbagai aspek termasuk inisiatif meletakkan cuti pertengahan semester pada perayaan Deepavali, baru-baru ini, bagi memastikan pelajar daripada kaum



**HARUN**

India yang beragama Hindu dapat meraikan perayaan berkenaan.

“Sehubungan itu, saya dalam kesempatan ini ingin mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin mengajukan sebarang cadangan atau pandangan agar berhubung terus dengan saya atau menghantar emel kepada [BPK@ums.edu.my](mailto:BPK@ums.edu.my).

“Marilah kita sama-sama memajukan dan memartabatkan UMS selaku institusi pendidikan tinggi yang kita banggakan secara positif melalui saluran yang betul berbanding membuat kenyataan yang tidak sah dan kurang berasas yang boleh menjatuhkan kredibiliti universiti ini, yang merupakan mercu tanda kecemerlangan pendidikan negeri Sabah yang kita cintai,” katanya.